

Headline	SEMINAR BULUH PERINGKAT ASEAN		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	19 Apr 2016	Circulation	1,270,667
Section	Agro	Readership	3,812,000
Page No	7	ArticleSize	299 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 11,734
Journalist	Mohamad Hussin mohamad"hussin@	PR Value	RM 35,202
Frequency	Daily		



SEMINAR BULUH PERINGKAT ASEAN

Saintis terkenal Prof Walter Liese turut hadir di FRIM 28 April ini

Mohamad Hussin

mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bakal menganjurkan seminar sebagai penghormatan kepada saintis buluh terkenal, Prof Walter Liese sempena pelancaran awal Seminar Buluh Asean (ABS 2016) di Kampus FRIM, Kepong, pada 28 April ini.

Seminar ini bakal menampilkan bekas Ketua Pengarah FRIM, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor dan Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod yang dijangka menyampaikan pembentangan berkenaan Status penyelidikan dan pembangunan (R&D) Buluh di Malaysia.

Terdapat dua lagi penceramah jemputan iaitu Pengarah Program bagi

Coping with Climate Change in the Pacific Island Region (CCCPIR) Dr Wulf Killmann serta bekas Pengarah Forest Products Research and Development Institute (FFRDI) di Filipina, Dr Florentin Tesoro.

Liese adalah saintis cemerlang yang sudah menjalankan penyelidikan terhadap buluh sejak tahun

1958. Sebagai seorang pakar anatomi dan pemeliharaan buluh, beliau berjaya menghasilkan ratusan artikel, buku, laporan teknikal dan kajian 'feasibility' buluh yang tiada ada tolok bandingannya.

Bekas Presiden International Union of Forest Research Organizations (IUFRO) ini juga pernah berkhidmat sebagai penasihat kepada Food and Agriculture Organization (FAO) serta International Network for Bamboo and Rattan (INBAR).

Pada masa sama Liese sudah menyelia lebih daripada 60 tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang kebanyakannya berkaitan dengan buluh.

Selain itu kebanyakkan pelajar beliau menjadi saintis buluh yang terkenal antaranya Abd Latif dan Prof Yulong Ding (INBAR).

Lebih membanggakan beliau adalah penerima lima ijazah Doctor Honoris Causa dan diberi penghormatan 'Lifetime Achievement Award' oleh Persatuan Buluh

Eropah pada 1995.

Hasil kerja beliau serta panduan yang diberi selaku mentor banyak menyumbang kepada pertumbuhan modal insan dan perkembangan pengetahuan luas berkenaan buluh di rantau ini.

Di samping itu, seminar ini bertujuan memperingati sambutan ulang tahun Liese yang ke-90 dan mengumumkan pelancaran awal ABS 2016 yang bakal diadakan pada 27 hingga 29 September ini di Kuala Lumpur.

Objektif ABS 2016 adalah untuk meningkatkan kesedaran berkenaan buluh dan produk berkaitan ke arah kehidupan dan pertumbuhan ekonomi ASEAN.

ABS 2016 bertemakan 'Sustainability and Advancement in Bamboo Utilisation' dianjurkan FRIM bersama Fakulti Sains Penggunaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA).

(PUSAKA).

Pelbagai isu, cabaran dan hala tuju dalam perlادangan buluh, penghasilan, pemasaran dan komuniti bakal dibincangkan di seminar berkenaan dengan harapan hasil ABS 2016 memanfaatkan Malaysia serta negara ASEAN lain dalam pembangunan industri berdasarkan buluh di samping memulihara alam sekitar.

Malah, seminar ini menyediakan platform untuk perkongsian maklumat berkenaan amalan terbaik di dunia dalam industri berkaitan buluh.

Pihak penganjur ABS 2016 bekerjasama dengan industri dan agensi yang berkaitan di Malaysia dan ASEAN.

Anda yang berminat untuk menghadiri seminar Walter Liese ini perlu membuat pendaftaran awal melalui e-mel kepada frim_ccu@frim.gov.my atau menghubungi Rozita di talian 03-62797577 untuk sebarang pertanyaan.

Headline	SEMINAR BULUH PERINGKAT ASEAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	19 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Agro	Circulation	1,270,667
Page No	7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	299 cm ²
Journalist	Mohamad Hussin mohamad"hussin@	AdValue	RM 11,734
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,202



LIESE